

PSC Dapatkan Input Dari SPR Mengenai Cadangan Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya
Bernama
2 November , 2011

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) Rabu mendapatkan input berhubung pelbagai isu berkenaan penambahbaikan sistem pilihan raya negara daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pengerusi PSC Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata dalam mesyuarat dua setengah jam itu, SPR yang diketuai pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof ditanya pelbagai persoalan mengenai pilihan raya oleh ahli-ahli jawatankuasa.

"Pelbagai isu mengenai pilihan raya juga telah dibincangkan termasuk juga ada cadangan membuat pindaan kepada peraturan tertentu seperti dalam sistem penamaan calon dan berkempen," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketiga jawatankuasa itu di Parlimen di sini, Rabu.

Ongkili yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata SPR juga bersetuju bahawa masih ada ruang untuk menambah baik sistem pilihan raya yang sedia ada dan mempunyai cadangan tertentu untuk tujuan itu.

"SPR begitu terbuka sekali untuk memberi keterangan yang diminta oleh anggota-anggota PSC kerana mereka juga begitu komited untuk memastikan sistem pilihan raya di negara ini merupakan sistem berintegriti dan terbuka untuk memuaskan majoriti rakyat Malaysia," katanya.

Ini merupakan mesyuarat ketiga jawatankuasa itu sejak ia ditubuhkan bulan lepas.

Ongkili berkata jawatankuasa itu akan membuat resolusi Khamis depan selepas mengadakan pertemuan semula dengan SPR, yang turut disertai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Kita akan mesyuarat lagi pada 10 Nov kerana masih ada satu tajuk di bawah SPR yang perlu dibincang bersama JPN seperti soal penambahbaikan daftar pemilih dan soal kelayakan.

"JPN dan SPR akan hadir bersama untuk menjawab," katanya.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624198>